

Headline **Mimos Rise IT Using(Mimos Tingkat Penggunaan IT)**
 Date **21. Aug 2007** Language **MALAY**
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **18**
 Section **Ekonomi** Article Size **167** cm2
 Circulation **238082** Frequency **Daily**
 Readership **833287** Color **Full Color**



Mimos tingkat penggunaan IT


CYBERJAYA 20 Ogos – Mimos Bhd. (Mimos), yang melancarkan KnowledgeGRID Malaysia hari ini menasaskan untuk menyediakan infrastruktur nasional bagi meningkatkan penggunaan sumber-sumber teknologi maklumat berprestasi tinggi bagi mempercepatkan penyelidikan dan pembangunan industri.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, grid tersebut akan menjadi infrastruktur pengetahuan bagi rakyat untuk meningkatkan kecekapan dalam teknologi di peringkat rantau dan global.

Menurut beliau, KnowledgeGRID Malaysia akan menyediakan sumber teknologi maklumat dan keupayaan data dalam model cuaca, simulasi gempa bumi, bilangan protein, DNA dan penyelidikan reka bentuk dadah.

“Ini akan mempercepatkan kemajuan Malaysia dalam bioteknologi, unjuran kemusnahan alam dan inisiatif kandungan animasi pada kos yang rendah,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

KnowledgeGRID Malaysia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini hari ini.



Abdul Wahab berkata, KnowledgeGRID Malaysia akan meletakkan Malaysia pada kedudukan tinggi di peta dunia, khusus dalam teknologi maklumat dan komunikasi sebaris dengan negara-negara yang telah mencapai kemajuan dalam teknologi itu seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Korea Selatan, Thailand dan Singapura.

Tambahnya, pembangunan grid itu akan dibuat dalam tiga peringkat.

Fasa pertama yang memberi fokus pembangunan grid berasaskan rangka kerja dan perkhidmatan reka bentuk dan kerjasama penyelidikan dengan universiti tempatan dijangka selesai pada akhir tahun ini.

“Fasa kedua yang dijadual bermula tahun depan membabitkan perluasan infrastruktur KnowledgeGRID dan pertambahan penyelidikan dengan kerjasama institusi tempatan dan luar negara serta industri tempatan.

“Fasa terakhir pula adalah rangkuman KnowledgeGRID Malaysia seluruh negara,” tambah beliau.

Abdul Wahab berkata, inisiatif pembentukan KnowledgeGRID Malaysia adalah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.